

Autonomi Pendidikan di Sarawak Pasca Pembentukan Malaysia: Ke Arah Pembangunan Pendidikan Berterusan, 1963-1970

Educational Autonomy in Sarawak Post-Malaysia Formation: Towards Sustainable Educational Development, 1963-1970

Julina Ottot, Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus*, Mardiana Nordin

Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

*Corresponding Author: akamal@um.edu.my

Abstrak

Pembentukan Malaysia pada tahun 1963 memperlihatkan Sarawak bersama Sabah, Singapura dan Tanah Melayu bersatu menjadi sebuah negara. Pembentukan Malaysia didorong oleh faktor politik, ekonomi, dan strategik dalam usaha untuk mencapai kestabilan, kerjasama ekonomi, dan perlindungan terhadap ancaman luaran pada era pasca Perang Dunia Kedua. Namun, hak dan kepentingan penduduk Sarawak termasuk Sabah dilindungi berdasarkan kepada perjanjian dan peraturan yang dirangka melalui *Inter-Governmental Committee* (IGC) termasuk perkara berkaitan pendidikan. Kajian ini meneliti pembangunan pendidikan di Sarawak melalui autonomi pendidikan pasca pembentukan Malaysia pada tahun 1963. Kajian ini mengkaji bagaimana autonomi dalam pendidikan mempengaruhi pembentukan dasar, reka bentuk kurikulum, dan usaha merapatkan jurang akses pendidikan antara kawasan bandar dan luar bandar. Menggunakan pendekatan kualitatif, penyelidikan ini berasaskan sumber primer seperti laporan kerajaan, dokumen arkib, dan dasar rasmi, serta sumber sekunder termasuk penerbitan akademik. Penelitian lebih diberi tumpuan kepada sumber primer seperti Laporan IGC, laporan Jabatan Pendidikan, laporan akhbar, dan Sarawak Gazette. Dapatan kajian menunjukkan autonomi pendidikan di Sarawak melalui Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) telah memacu pembangunan pendidikan dengan mengekalkan identiti budaya tempatan, meningkatkan akses pendidikan di kawasan luar bandar, dan membangunkan infrastruktur serta sekolah komuniti. Hal ini juga memberi tumpuan kepada latihan guru tempatan, menyokong peranan sekolah mubaligh, serta memperkenalkan pendidikan teknikal dan vokasional (TVET) yang disesuaikan dengan keperluan ekonomi negeri. Selain itu, autonomi ini membolehkan penglibatan komuniti dalam pengurusan pendidikan dan memastikan pendidikan yang inklusif untuk semua lapisan masyarakat, sekali gus mengurangkan jurang pendidikan antara bandar dan luar bandar serta memajukan taraf pendidikan di Sarawak.

Kata Kunci: Perjanjian Malaysia; Bahasa pengantar; Dasar Pendidikan; Bumiputera; Rancangan Pembangunan.

Abstract

The formation of Malaysia in 1963 united Sarawak, Sabah, Singapore, and Malaya for political stability, economic cooperation, and strategic protection. The rights and interests of the people of Sarawak and Sabah were safeguarded through the IGC agreement, including in the field of education. This study examines the development of education in Sarawak through educational autonomy following the formation of Malaysia in 1963. It explores how autonomy in education influenced policy formation, curriculum design, and efforts to bridge the educational access gap between urban and rural areas. Using a qualitative approach, this research is based on primary sources such as government reports, archival documents, and official policies, as well as secondary sources, including academic publications. Greater emphasis is placed on primary sources, such as the IGC report, education department reports, newspaper articles, and the Sarawak Gazette. Findings indicate that educational autonomy in Sarawak, granted through the Malaysia Agreement 1963 (MA63), has driven educational development by preserving local cultural identity, increasing access to education in rural areas, and enhancing infrastructure and community schools. This also focuses on the training of local teachers, supporting the role of missionary schools, and introducing technical and vocational education and training (TVET) that is aligned with the economic needs of the state. Additionally, this autonomy has enabled community involvement in education management and ensured inclusive education for all segments of society, thereby reducing the educational gap between urban and rural areas and advancing the overall standard of education in Sarawak.

Keywords: Malaysia Agreements; medium of instructions; Education Policy; Bumiputeras; Development Plan

PENGENALAN

Sejarah pendidikan di Sarawak selepas pembentukan Malaysia pada tahun 1963 menyaksikan transformasi yang signifikan dalam struktur dan pengurusan sistem pendidikan di negeri ini. Pembentukan Malaysia yang ditubuhkan pada 16 September 1963 merupakan satu permulaan kepada pelaksanaan pembangunan di Sarawak serta satu langkah penting dalam sejarah pembinaan bangsa (FCO51/154). Sebagai sebuah negeri yang memiliki latar belakang sosial, budaya, dan etnik yang pelbagai, Sarawak memerlukan pendekatan yang lebih inklusif dan fleksibel dalam pembangunan pendidikan untuk memenuhi keperluan dan aspirasi masyarakatnya. Pembentukan Malaysia menandakan satu titik tolak penting, di mana Sarawak diberikan autonomi dalam beberapa bidang, termasuklah pendidikan. Autonomi pendidikan ini bukan sahaja memberi kuasa kepada kerajaan negeri untuk merancang dan melaksanakan dasar-dasar pendidikan, tetapi juga mewujudkan peluang bagi pembangunan pendidikan yang lebih berterusan, selaras dengan kehendak dan keadaan setempat. Antara tahun 1963 hingga 1970, Sarawak mengalami pelbagai perubahan dalam sistem pendidikan bermula dari penstrukturan semula kurikulum, pengurusan sekolah, sehingga kepada pembinaan infrastruktur pendidikan yang lebih lengkap. Dasar pendidikan yang dikendalikan oleh kerajaan negeri memberi penekanan kepada pembentukan identiti bangsa Sarawak melalui pendidikan, dengan memperkenalkan pendekatan yang sensitif terhadap keunikan budaya, bahasa, dan agama pelbagai etnik yang ada di Sarawak. Dalam tempoh ini, pelbagai cabaran dihadapi antaranya seperti masalah ketidakseimbangan dalam akses kepada pendidikan antara kawasan bandar dan luar bandar, kekurangan tenaga pengajar yang terlatih, serta perbezaan tahap perkembangan ekonomi dan sosial di antara kawasan-kawasan yang berlainan.

Walau bagaimanapun, kerajaan Sarawak terus berusaha untuk meningkatkan kualiti pendidikan bagi memupuk pembangunan sosio-ekonomi yang mampan. Kerjasama erat antara kerajaan pusat dan kerajaan negeri Sarawak menjadi asas penting bagi pembangunan berterusan, khususnya dalam melaksanakan dasar pendidikan yang lebih relevan dengan keperluan masyarakat setempat. Dalam konteks ini, kajian ini akan meneliti bagaimana autonomi pendidikan di Sarawak selepas pembentukan Malaysia memberi impak terhadap perkembangan pendidikan di negeri tersebut, serta sejauh mana usaha-usaha yang dijalankan membawa kepada pencapaian pembangunan pendidikan yang lebih holistik dan berterusan dari tahun 1963 hingga 1970.

LATAR BELAKANG PENDIDIKAN DI SARAWAK

Sebelum pembentukan Malaysia pada tahun 1963, Sarawak berada di bawah pentadbiran kolonial British sejak tahun 1946, selepas penyerahan kuasa oleh keluarga Brooke yang memerintah negeri itu sebagai Rajah Putih (*White Rajah*) selama lebih daripada satu abad. Dalam tempoh pemerintahan Brooke dan seterusnya penjajahan British, Sarawak kekal sebagai sebuah negeri yang bersifat agrarian dengan majoriti penduduknya bergantung kepada sektor pertanian tradisional seperti penanaman padi dan hasil hutan, untuk kelangsungan hidup. Infrastruktur moden seperti jalan raya, sistem komunikasi, dan institusi pendidikan masih terhad, khususnya di kawasan luar bandar yang sukar diakses. Sistem pendidikan yang diperkenalkan ketika itu didominasi oleh sekolah mubaligh Kristian yang menumpukan kepada penyediaan pendidikan asas, khususnya di kawasan bandar. Sebaliknya, kawasan luar bandar terus ketinggalan disebabkan oleh kekurangan kemudahan serta peluang pendidikan yang terhad. Selain itu, kepelbagaian etnik dan budaya, dengan majoriti penduduk terdiri daripada kaum Iban, Melayu, Cina, Bidayuh, dan pelbagai kumpulan etnik Orang Ulu, menjadikan pembangunan Sarawak amat kompleks kerana setiap komuniti mempunyai keperluan, bahasa, dan tradisi tersendiri. Keadaan ini mencetuskan cabaran besar dalam usaha pembangunan Sarawak sebagai sebuah negeri yang bersatu dan maju menjelang penyertaan dalam Persekutuan Malaysia.

Pembentukan Malaysia pada tahun 1963 membawa perubahan besar dalam struktur politik, ekonomi, dan sosial Sarawak, termasuk bidang pendidikan. Sebagai salah satu negeri di Malaysia, Sarawak menerima autonomi tertentu dalam beberapa aspek pentadbiran, termasuk pendidikan, seperti yang termaktub dalam Perjanjian Malaysia 1963 (MA63). Autonomi ini memberikan Sarawak keupayaan untuk menyesuaikan sistem pendidikannya dengan keperluan masyarakat pelbagai etnik dan keadaan geografi yang unik. Sebelum termeterainya Perjanjian Malaysia 1963, sebuah jawatankuasa diwujudkan bagi membincangkan aspek-aspek berkaitan pembentukan Malaysia. Jawatankuasa tersebut dikenali sebagai *Inter-Governmental Committee* (IGC) yang diwakili kerajaan British, Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak (Malaysia: Report of the Inter-Governmental Committee, 1962 & CO1030/1487). IGC telah dibentuk pada tahun 1962 yang bertujuan untuk merangka syarat-syarat dan perlindungan khusus bagi Sabah dan Sarawak sebagai persediaan penyertaan mereka dalam pembentukan Malaysia. Penubuhan IGC adalah susulan cadangan pembentukan Persekutuan Malaysia oleh Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman pada tahun 1961 (Mohd bin Samsudin, 2016 & Ho Ah Chon, 1991), dan Laporan Suruhanjaya Cobbold yang diterbitkan pada tahun 1962, yang mengesahkan sokongan majoriti penduduk Sabah dan Sarawak terhadap idea penyatuan ini. Semenjak pembentukan jawatankuasa ini, pelaksanaan mesyuarat dilaksanakan beberapa kali di beberapa kawasan seperti London, Kuala Lumpur, Sabah dan Sarawak. Mesyuarat IGC yang dipengerusikan oleh Lord Lansdowne, seorang pegawai kanan British berperanan sebagai perantara antara pihak British dan Tanah Melayu serta memastikan suara Sabah dan Sarawak turut diberi perhatian (CO 1030/1485). Mesyuarat Jawatankuasa

IGC telah menumpukan perbincangan kepada beberapa aspek utama iaitu autonomi negeri, kewangan, hak-hak adat dan penduduk asal, agama dan bahasa, serta isu keselamatan dan pentadbiran. Apabila perbincangan menyentuh berkaitan autonomi negeri, aspek yang dibincangkan adalah berkaitan autonomi dalam imigresen, pendidikan, bahasa, dan adat istiadat. Sepanjang mesyuarat jawatankuasa dilaksanakan, perkara ini sangat diteliti oleh negeri Sarawak dan Sabah.

Sebelum pembentukan Malaysia pada tahun 1963, dasar pendidikan di Sarawak dipengaruhi oleh sistem kolonial yang bersifat terpisah mengikut etnik. Sekolah-sekolah mubaligh Kristian dan institusi berasaskan komuniti etnik menyediakan pendidikan asas dalam bahasa Inggeris, Melayu, atau Mandarin, tetapi akses kepada pendidikan formal amat terhad, terutama di kawasan pedalaman yang dihuni masyarakat Bumiputera. Pendidikan pada era ini bertujuan melahirkan tenaga kerja rendah untuk pentadbiran kolonial, dengan kurikulum yang tidak seragam dan penekanan kepada kebolehan asas seperti membaca, menulis, dan mengira. Selepas pembentukan Malaysia, dasar pendidikan Sarawak mula diselaraskan dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan yang memberi fokus kepada perpaduan nasional dan pembangunan sosioekonomi. Bahasa Melayu diperkenalkan secara beransur-ansur sebagai bahasa pengantar, manakala bahasa Inggeris kekal sebagai bahasa kedua yang penting. Pada peringkat awal pembentukan Malaysia, bahasa Inggeris masih memainkan peranan yang dominan. Selain itu, usaha besar-besaran dilaksanakan untuk meningkatkan akses pendidikan di luar bandar dengan pembinaan sekolah baharu, program biasiswa untuk pelajar Bumiputera, dan latihan guru tempatan bagi mengatasi kekurangan tenaga pengajar. Walaupun perubahan ini berjaya meningkatkan peluang pendidikan, pelaksanaannya menghadapi cabaran besar seperti kekurangan infrastruktur dan tentangan terhadap perubahan bahasa pengantar di sesetengah sekolah. Secara keseluruhan, perubahan dasar pendidikan Sarawak selepas pembentukan Malaysia membawa peralihan penting ke arah sistem pendidikan yang lebih inklusif, dengan matlamat merapatkan jurang antara bandar dan luar bandar serta meningkatkan taraf hidup rakyat Sarawak secara menyeluruh.

AUTONOMI PENDIDIKAN DI SARAWAK

Selepas pembentukan Malaysia pada tahun 1963, kerajaan negeri Sarawak diberikan autonomi dalam bidang pendidikan berdasarkan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) dan Laporan Jawatankuasa Antara Kerajaan (IGC) 1962. Autonomi pendidikan yang diperoleh oleh kerajaan Sarawak merupakan satu langkah positif yang membolehkan kerajaan tersebut merancang dan melaksanakan dasar pendidikan yang lebih sesuai dengan keperluan tempatan. Sebagai pentadbir yang lebih dekat dengan rakyat, kerajaan Sarawak memahami keperluan pendidikan penduduk Sarawak, khususnya dalam aspek pembangunan pendidikan. Laporan Jawatankuasa Antara Kerajaan (IGC) yang ditandatangani pada 27 Februari 1963 dengan jelas memperlihatkan autonomi kerajaan Sarawak dalam bidang pendidikan (DO118/258). Berdasarkan laporan tersebut, autonomi pendidikan di Sarawak dapat dilihat melalui beberapa aspek utama, termasuk dasar dan sistem pendidikan serta peluasan infrastruktur pendidikan. Berikut adalah beberapa perkara berkaitan pendidikan yang disentuh dalam Laporan IGC.

(a) Although Education (item 13(a) of the Federal List in the Ninth Schedule) will be federal subject, the present policy and system of administration of education in North Borneo and Sarawak (including their present Ordinances) should be undisturbed and remain under the control of the Government of the State until the Government otherwise agrees. In particular:-

- i. The present policy in the Borneo States regarding the of English should continue;*

- ii. *Knowledge of the Malay language should not be required as a qualification for any educational opportunity until such time as the State Government concerned considered that sufficient provision has been made to teach Malay in all schools in the State;*
 - iii. *There should be no application to the Borneo States of any Federal requirements regarding religious education;*
 - iv. *State provisions for the special position of indigenous people should continue to apply;*
 - v. *The Directors of Education in Borneo States, who would be officers serving in Federal posts and responsible to the Federal Minister of Education through the Ministry of Education, should carry out much the same duties as they do at present in consultation with the State Government concerned;*
 - vi. *To enable local wishes to be fully consulted and taken into account as far as possible, the Directors of Education of the Borneo States should continue to be advised by the respective existing Boards of Education and the local Education Committees; and*
 - vii. *In the case of Sarawak the local authorities should continue to be used as agents for the primary education; and*
- (b) *When expansion of higher education facilities was being considered by the Malaysian Government the requirements of the Borneo States should be given special consideration and the desirability of locating some of the institutions in the Borneo States should be borne in mind (CO1030/1487 & Malaysia: Report of the Inter-Governmental Committee, 1962).*

Berdasarkan perkara di atas memperincikan jaminan yang diberikan kepada Sarawak dan Sabah (ketika itu North Borneo) dalam bidang pendidikan semasa pembentukan Malaysia. Walaupun pendidikan diletakkan di bawah Senarai Persekutuan dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Malaysia, dasar dan sistem pendidikan sedia ada di Sarawak dijanjikan tidak akan diganggu kecuali dengan persetujuan kerajaan negeri. Ini termasuk mengekalkan penggunaan bahasa Inggeris di sekolah, tidak mewajibkan penguasaan Bahasa Melayu untuk peluang pendidikan, mengelakkan pemaksaan pendidikan agama secara automatik, dan mengekalkan keutamaan untuk rakyat peribumi. Di samping itu, pengarah pendidikan negeri masih perlu berunding rapat dengan kerajaan negeri dan badan pendidikan tempatan. Malah, dalam pembangunan pendidikan tinggi, keperluan Sarawak perlu diberi keutamaan. Keseluruhan ketetapan ini menunjukkan betapa pentingnya untuk melindungi identiti pendidikan dan kepentingan tempatan Sarawak dalam proses nasionalisasi Malaysia, sekali gus mencerminkan semangat federalisme dan autonomi negeri yang diperjuangkan dalam Perjanjian Malaysia 1963. Pendidikan merupakan antara keutamaan utama kerajaan negeri Sarawak, sebagaimana yang ditegaskan melalui suara rakyat dalam laporan Suruhanjaya Cobbold (CO947/61). Kepentingan ini menuntut agar dasar dan sistem pendidikan sedia ada tidak diubah sewenang-wenangnya serta terus dikekalkan di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Pendekatan ini mencerminkan hasrat Sarawak untuk melindungi kepentingan pendidikan sebagai asas kepada pembangunan sosial dan kebudayaan masyarakat setempat.

Laporan Jawatankuasa Antara Kerajaan (IGC) turut menekankan bahawa Seksyen 36 dan 37 Akta Pelajaran 1961 (Malaya) tidak boleh digunapakai di Sarawak dan Borneo Utara (Sabah), khususnya dalam aspek pendidikan agama. Oleh itu, laporan tersebut menetapkan dalam perkara (iii) bahawa tiada keperluan bagi Sarawak dan Sabah untuk mematuhi kehendak Persekutuan berkaitan pendidikan agama. Ketetapan ini dibuat bagi memastikan keharmonian masyarakat Sarawak yang terdiri daripada pelbagai kaum dan agama sentiasa terpelihara,

seterusnya menjamin keamanan negeri. Selain itu, dasar pendidikan berkaitan penggunaan bahasa juga ditekankan dalam Laporan IGC. Antaranya ialah kesinambungan penggunaan bahasa Inggeris dalam sistem pendidikan di Sarawak, memandangkan bahasa ini telah digunakan sebagai bahasa pengantar di sekolah mubaligh dan sekolah kerajaan sejak era Brooke hingga era kolonial British. Namun, penggunaan bahasa vernakular turut diamalkan di Sarawak (CO1030/45). Kerajaan Sarawak mengekalkan bahasa Inggeris sebagai medium utama di sekolah-sekolah Sarawak, dan sebarang perubahan hanya dilaksanakan berdasarkan keputusan kerajaan negeri sendiri. Walaupun begitu, kerajaan Sarawak tidak menafikan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, seperti yang termaktub dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan (Federal Constitution, 2018). Namun, bahasa Melayu tidak boleh dijadikan syarat utama bagi melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi. Ini terbukti apabila kerajaan Sarawak tetap menggalakkan pembelajaran bahasa Melayu di sekolah serta pusat latihan guru di Sarawak. Malah, kelas luar sidang bagi penjawat awam turut diperkenalkan bagi meningkatkan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan mereka. Selain itu, peperiksaan bahasa Melayu peringkat kebangsaan juga dilaksanakan di Sarawak, seperti *Malaysia Lower Certificate of Education (L.C.E)*, *National Language Examination*, dan *Government National Language Examination* (Annual Report of Education Department Sarawak, 1966).

Dari segi pengurusan pegawai pendidikan yang bertanggungjawab kepada kerajaan Persekutuan, seperti Pengarah Pendidikan Negeri, rundingan dengan Kerajaan Negeri harus diberikan perhatian. Ini bagi memastikan setiap keputusan atau tindakan yang diambil selaras dengan dasar Kerajaan Negeri dan tidak bertentangan dengan kepentingan tempatan. Selain itu, Lembaga Pendidikan dan Jawatankuasa Pendidikan Tempatan turut berperanan dalam memberi nasihat kepada Pengarah Pendidikan Negeri. Peranan kedua-dua badan ini penting dalam memastikan keperluan serta kehendak masyarakat tempatan dapat dipenuhi dan dilaksanakan dengan berkesan. Sebagai sebuah entiti yang mempunyai hubungan rapat, komunikasi yang baik antara pihak berkaitan akan memastikan pembangunan pendidikan yang diperlukan dapat dilaksanakan dengan lebih efektif. Autonomi pendidikan juga dapat dilihat dalam pengurusan pendidikan rendah. Berdasarkan Laporan IGC, Pihak Berkuasa Tempatan kekal sebagai badan yang bertanggungjawab terhadap pendidikan rendah di Sarawak. Pihak Berkuasa Tempatan ini telah ditubuhkan pada tahun 1948 semasa pemerintahan British dan diberi tanggungjawab untuk menyediakan pendidikan rendah kepada masyarakat tempatan. Sejak penubuhannya, sekolah-sekolah rendah di bawah pengurusannya terus berkembang, dan pada tahun 1963, sebanyak 591 buah sekolah rendah berada di bawah pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan (CO802/22 & Sarawak Education Department Annual Summary, 1963). Selain itu, autonomi pendidikan turut berkait dengan peruntukan negeri bagi memastikan kedudukan istimewa golongan peribumi diteruskan selepas pembentukan Malaysia. Kedudukan istimewa anak negeri ini dilindungi dalam Perkara 153 dan Perkara 161(A) Perlembagaan Persekutuan (Federal Constitution, 2018), di mana kerajaan menjamin hak serta keistimewaan mereka dalam sektor pendidikan. Autonomi pendidikan yang diperoleh oleh Kerajaan Negeri memastikan anak negeri Sarawak tidak ketinggalan dalam arus pembangunan pendidikan di Malaysia. Aspek terakhir yang perlu diberi perhatian ialah keperluan negeri Sarawak dan Sabah dalam penubuhan institusi pendidikan terutamanya institusi pengajian tinggi. Sejak era British, Sarawak hanya memiliki pusat latihan guru, manakala institusi pengajian tinggi seperti universiti masih belum wujud (CO802/21 & Sarawak Education Department Annual Summary, 1962). Oleh itu, keperluan untuk menempatkan institusi pengajian tinggi di Sarawak perlu dipertimbangkan bagi memastikan akses pendidikan yang lebih luas kepada rakyat negeri ini.

KELESTARIAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN

Autonomi memberi ruang kepada kerajaan negeri Sarawak untuk melaksanakan pembangunan pendidikan secara berterusan. Demi kepentingan dan keperluan penduduk Sarawak, kerajaan negeri menggunakan autonomi ini untuk merangka serta melaksanakan dasar pendidikan yang lebih relevan dengan keadaan tempatan. Autonomi pendidikan membolehkan Sarawak membentuk dasar yang bersesuaian dengan keperluan rakyatnya, sekali gus melahirkan tenaga kerja yang diperlukan oleh negeri ini. Hal ini selari dengan usaha Sarawak melaksanakan proses Borneonisasi dalam perkhidmatan awam (CO1030/648), iaitu satu proses menggantikan pegawai luar atau ekspatriat dengan pegawai tempatan. Dari segi pembentukan dasar pendidikan, kerajaan Sarawak memberi tumpuan kepada pembangunan pendidikan di kawasan luar bandar. Usaha ini meliputi pembinaan sekolah baharu, pelaksanaan program khas untuk pelajar luar bandar, serta penyediaan tenaga pengajar, khususnya di kawasan terpencil. Selepas tahun 1963, kerajaan Sarawak melaksanakan rancangan pembangunan yang dikenali sebagai Rancangan Pembangunan Sarawak 1964-1968 (CO802/23 & Education Department Annual Summary, 1964). Sebagai sebahagian daripada rancangan ini, satu program pembangunan pendidikan telah diperkenalkan dengan objektif yang jelas merangkumi pendidikan rendah, pendidikan menengah, pendidikan teknikal dan vokasional, serta latihan perguruan. Dalam pelaksanaannya, Rancangan Pembangunan Sarawak memperuntukkan sejumlah \$27,641,001 bagi pembangunan pendidikan (No File 9029/9). Program pembangunan ini kemudiannya diteruskan di bawah Rancangan Malaysia Pertama yang dilaksanakan selama tiga tahun bermula dari tahun 1967 hingga 1970. Pelaksanaan program pembangunan pendidikan di bawah rancangan pembangunan ini memperlihatkan pembukaan sekolah baharu serta penambahbaikan infrastruktur sekolah, khususnya di kawasan luar bandar. Langkah ini memastikan akses pendidikan yang lebih baik kepada masyarakat luar bandar, sekali gus menyokong pertumbuhan tenaga kerja terlatih untuk keperluan negeri Sarawak.

Pembukaan sekolah baharu termasuk sekolah rendah dan sekolah menengah giat dijalankan selepas pembentukan Malaysia. Menjelang akhir tahun 1963, terdapat sebanyak 981 buah sekolah rendah dan 67 buah sekolah menengah di Sarawak (CO802/22 & Sarawak Education Department Annual Summary, 1963). Sekolah-sekolah ini merangkumi pelbagai jenis pengurusan, termasuk sekolah di bawah kerajaan, Pihak Berkuasa Tempatan, mubaligh, komuniti cina, dan komuniti swasta. Pelaksanaan program pembangunan pendidikan telah menyumbang kepada pertambahan bilangan sekolah di Sarawak. Peningkatan ini dapat dilihat dengan lebih jelas dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1, Bilangan Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah, 1963 hingga 1969

Tahun	Sekolah Rendah	Sekolah Menengah
1963	981	67
1964	1038	77
1965	1111	82
1966	1171	92
1967	1200	102
1968	1213	107
1969	1210	107

Sumber: Diubah suai daripada CO802/22, CO802/23, CO802/24 & Annual Report of Education Department Sarawak for 1966 hingga 1969

Berdasarkan jadual yang menunjukkan perkembangan bilangan sekolah rendah dan sekolah menengah dari tahun 1963 hingga 1969, jelas menunjukkan bahawa terdapat peningkatan yang konsisten dalam bilangan kedua-dua jenis sekolah. Pada tahun 1963, terdapat 981 buah sekolah rendah dan 67 buah sekolah menengah. Jumlah ini meningkat setiap tahun sehingga mencapai

1,213 buah sekolah rendah dan 107 buah sekolah menengah pada tahun 1968. Namun, pada tahun 1969, bilangan sekolah rendah mengalami sedikit penurunan kepada 1,210 buah sekolah, manakala bilangan sekolah menengah kekal pada 107 buah. Penurunan ini berlaku akibat penutupan beberapa sekolah yang mempunyai kurang daripada 20 orang pelajar (Annual Report of Education Department Sarawak, 1969). Peningkatan ini mencerminkan usaha berterusan untuk memperluaskan akses pendidikan, khususnya di peringkat rendah dan menengah, bagi memenuhi keperluan populasi yang semakin bertambah. Walaupun pertambahan bilangan sekolah rendah lebih besar secara mutlak, kadar pertumbuhan sekolah menengah juga signifikan dan menunjukkan perhatian yang diberikan kepada pembangunan pendidikan menengah. Walau bagaimanapun, penurunan bilangan sekolah rendah pada tahun 1969 mencerminkan cabaran dalam mengekalkan kadar pembangunan, seperti kekangan sumber atau perubahan dasar pendidikan. Selepas berlakunya perubahan dalam struktur pemerintahan, data menunjukkan peningkatan yang ketara dalam pembangunan infrastruktur pendidikan termasuk pertambahan bilangan sekolah di luar bandar, penubuhan institusi latihan guru, serta peluasan akses pendidikan kepada semua lapisan masyarakat. Fenomena ini secara tidak langsung mencerminkan bahawa kerajaan negeri Sarawak telah memperoleh kebebasan yang lebih besar untuk merancang dan melaksanakan dasar pendidikan yang bersesuaian dengan keperluan tempatan. Melalui autonomi ini, pembangunan pendidikan tidak lagi bersifat elitis atau selektif sebaliknya berfungsi sebagai alat penting untuk mobiliti sosial, perpaduan kaum, dan kemajuan ekonomi negeri. Secara keseluruhan, perkembangan yang ditunjukkan dalam jadual ini menggambarkan peningkatan positif dalam sistem pendidikan, sejajar dengan usaha memperkukuh taraf pendidikan rakyat dalam era pasca kolonial.

Bilangan sekolah menengah meningkat setiap tahun seiring dengan usaha memperluaskan akses pendidikan. Pembukaan sekolah menengah dilaksanakan bagi memastikan jumlah sekolah mencukupi dan mampu menampung pelajar yang layak melanjutkan pelajaran ke peringkat menengah. Langkah ini juga selaras dengan objektif Rancangan Pembangunan Sarawak (1964-1968), yang menetapkan sasaran bagi pembangunan pendidikan menengah. Objektif pendidikan menengah di bawah rancangan tersebut adalah:

To expand secondary education so as to provide places for 30% of primary school leavers entering Junior Secondary schools and 50% of Form III pupils entering Senior Secondary schools/classes (Form IV and V)” (No File 9029/9).

Berdasarkan matlamat tersebut, kerajaan Sarawak berusaha memperluaskan pendidikan menengah dengan menyediakan lebih banyak tempat bagi pelajar yang memasuki peringkat menengah rendah. Sejak tahun 1963, pembukaan sekolah menengah baharu giat dilaksanakan, terutama di kawasan luar bandar. Sebagai contoh, sebuah sekolah menengah di bawah pengurusan kerajaan telah dibuka di Marudi, dalam daerah Baram, Bahagian Keempat. Selain itu, empat buah sekolah menengah turut dibuka di bawah pengurusan swasta dan mubaligh. Pada era pasca-penubuhan Malaysia, badan bukan kerajaan masih memainkan peranan penting dalam pembukaan sekolah menengah. Sekolah-sekolah menengah yang dikendalikan oleh pihak swasta dan mubaligh (*unaided schools*) ditubuhkan bagi memberi peluang kepada pelajar yang tidak layak memasuki sekolah menengah kerajaan melalui peperiksaan kemasukan. Pada era tersebut, proses kemasukan ke sekolah menengah di Sarawak mensyaratkan murid-murid Tahun 6 untuk menduduki peperiksaan yang dikenali sebagai *Common Entrance Examination* yang berfungsi sebagai mekanisme penilaian kelayakan akademik mereka. Pelajar yang gagal dalam peperiksaan ini tidak mendapat tempat di sekolah menengah kerajaan dan sekolah menengah mubaligh. Oleh itu, penubuhan sekolah menengah swasta memberi peluang kepada lebih ramai pelajar di Sarawak untuk melanjutkan pendidikan ke peringkat menengah.

Pembukaan beberapa sekolah menengah di beberapa kawasan dapat dilihat dalam Jadual 2 di bawah.

Jadual 2, Pembukaan Sekolah Menengah Baharu di Sarawak, 1963 hingga 1969

Tahun	Kategori Sekolah Menengah	Bilangan	Kawasan
1963	Kerajaan	1	Marudi, Daerah Baram
	Swasta	4	
1964	Kerajaan	5	Serian, Simunjan, Binatang, Batu 20 Jalan Sibu-Ulu Oya dan Lutong
	Swasta	6	
1965	Kerajaan	4	Kapit, Long Lama, Lundu dan Penrissen
	Swasta	6	
1966	Kerajaan	7	
	Swasta	3	
1967	Kerajaan	2	Kapit
	Swasta	8	
1968	Kerajaan	1	Subis
	Swasta	4	

Sumber: Diubah suai daripada CO802/22, CO802/23, CO802/24 & Annual Report of Education Department Sarawak for 1966 hingga 1968.

Jadual 2 yang menunjukkan pembukaan sekolah menengah mengikut kategori (kerajaan dan swasta) dari tahun 1963 hingga 1968 menggambarkan perkembangan pesat tetapi tidak sekata dalam pendidikan menengah di Sarawak. Sepanjang tempoh ini, pertumbuhan sekolah menengah kerajaan dan swasta berlaku pada kadar yang berbeza mencerminkan peranan kedua-dua sektor dalam memenuhi keperluan pendidikan. Pada tahun 1963, hanya sebuah sekolah menengah kerajaan dibuka di Marudi, daerah Baram, manakala empat buah sekolah swasta ditubuhkan. Tahun 1964 menyaksikan peningkatan ketara dengan pembukaan lima sekolah menengah kerajaan di Serian, Simunjan, Binatang, Batu 20 Jalan Sibu-Ulu Oya, dan Lutong, sementara bilangan sekolah swasta meningkat kepada enam. Peningkatan ini mencerminkan usaha kerajaan memperluaskan akses pendidikan ke kawasan luar bandar dengan sokongan sektor swasta. Pada tahun 1965, empat lagi sekolah menengah kerajaan dibuka di kawasan pedalaman seperti Kapit, Long Lama, Lundu, dan Penrissen, manakala bilangan sekolah swasta kekal stabil pada enam buah. Tahun 1966 pula mencatatkan pembukaan tujuh sekolah menengah kerajaan, tetapi bilangan sekolah swasta menurun kepada tiga, menunjukkan pergantungan yang semakin berkurang kepada sektor swasta dalam pengembangan pendidikan menengah. Namun, pada tahun 1967, pembukaan sekolah menengah kerajaan berkurang kepada hanya dua iaitu di Kapit, sementara sektor swasta mengalami pertumbuhan semula dengan pembukaan lapan buah sekolah. Pada tahun 1968, hanya sebuah sekolah menengah kerajaan dibuka di Subis, manakala bilangan sekolah swasta yang dibuka kembali menurun kepada empat. Perubahan dalam bilangan sekolah menengah kerajaan dan swasta antara tahun 1965 hingga 1968 mencerminkan dinamika dasar pendidikan dan cabaran pelaksanaannya di Sarawak. Peningkatan ketara dalam pembukaan sekolah kerajaan pada 1965 dan 1966 menunjukkan komitmen kerajaan untuk memperluas akses pendidikan ke kawasan pedalaman selaras dengan dasar pembangunan negara selepas pembentukan Malaysia. Namun, penurunan bilangan sekolah baharu pada 1967 dan 1968 mungkin berpunca daripada kekangan kewangan, kekurangan tenaga pengajar terlatih, serta cabaran geografi yang sukar di negeri tersebut. Pertumbuhan sektor swasta pada 1967 pula mencadangkan bahawa apabila kapasiti kerajaan terbatas, pihak swasta memainkan peranan penting dalam memenuhi permintaan pendidikan menengah. Secara keseluruhannya, jadual ini


menunjukkan bahawa kerajaan memainkan peranan utama dalam membuka sekolah menengah di kawasan luar bandar, sementara sektor swasta cenderung memenuhi permintaan di kawasan yang lebih maju. Ketidakseimbangan dalam kadar pembukaan sekolah kerajaan dan swasta menandakan keperluan strategi pembangunan yang lebih terancang bagi memastikan akses pendidikan menengah yang lebih menyeluruh, terutama di pedalaman Sarawak.

Pembukaan sekolah baharu di negeri Sarawak menunjukkan keperluan terhadap tenaga guru sebagai tenaga pengajaran. Dalam usaha untuk menyediakan tenaga guru, kerajaan Sarawak berhadapan dengan masalah kekurangan fasiliti latihan perguruan bagi melatih bakal guru. Pada tempoh tersebut, Sarawak telah mendirikan dua pusat latihan guru, iaitu Pusat Latihan Guru Batu Lintang di Kuching dan Pusat Latihan Guru Sarawak di Sibu, yang kedua-duanya ditubuhkan semasa pemerintahan kolonial British sebagai sebahagian daripada usaha untuk memperkembangkan sistem pendidikan di negeri tersebut. Walau bagaimanapun, kedua-dua pusat ini masih tidak mencukupi bagi memenuhi permintaan guru terutamanya di luar bandar. Selepas pembentukan Malaysia, kerajaan mengambil inisiatif untuk menubuhkan sebuah lagi pusat latihan guru bagi menampung keperluan tenaga pengajar. Dengan bantuan dana daripada kerajaan New Zealand, Pusat Latihan Guru Rajang di Binatang ditubuhkan pada tahun 1966 dan dirasmikan pada tahun 1967 oleh Tun Abang Haji Openg, Gabenor Sarawak (Annual Report of Education Department Sarawak, 1967). Pusat ini bertujuan melatih lebih ramai guru bagi ditempatkan di kawasan luar bandar. Kerajaan New Zealand menyumbangkan bantuan kewangan sebanyak \$1.5 juta melalui Rancangan Colombo (No File (159) 098-26) bagi merealisasikan penubuhan pusat latihan ini. Penambahan sebuah lagi pusat latihan guru di Sarawak membolehkan Kerajaan Negeri mengatasi masalah kekurangan guru terlatih khususnya di luar bandar. Tenaga guru yang terlatih amat penting bagi memastikan pendidikan dapat disampaikan dengan berkesan kepada penduduk Sarawak. Selain itu, kerajaan Sarawak turut menyediakan biasiswa kepada guru-guru bagi melanjutkan pengajian ke luar negara, sekali gus meningkatkan tahap profesionalisme tenaga pengajar di negeri ini. Penyediaan biasiswa kepada guru-guru untuk melanjutkan pengajian ke luar negara membawa implikasi yang besar terhadap pembangunan profesion perguruan di Sarawak. Langkah ini bukan sahaja meningkatkan tahap kelayakan dan profesionalisme guru-guru tempatan, malah turut berperanan sebagai insentif yang berkesan untuk menarik minat rakyat Sarawak, khususnya golongan muda, untuk memilih kerjaya perguruan.

Autonomi terhadap pembentukan dasar pendidikan di Sarawak dapat dilihat melalui keputusan untuk mengekalkan Bahasa Inggeris sebagai medium utama dalam pendidikan. Laporan IGC jelas menunjukkan bahawa penggunaan Bahasa Inggeris masih diteruskan dalam sistem pendidikan di Sarawak. Sebagai bahasa utama, bahasa Inggeris telah menjadi fokus utama dalam usaha kerajaan Sarawak untuk memastikan penduduk menguasai bahasa tersebut. Sebelum pelaksanaan dasar ini, penggunaan bahasa Inggeris di sekolah rendah luar bandar hanya diperkenalkan pada darjah tiga sementara bagi darjah satu dan dua, bahasa vernakular digunakan sebagai bahasa pengantar. Sebagai langkah untuk meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris, kerajaan melaksanakan satu projek perintis di bawah *English-medium Scheme* untuk memperkenalkan kurikulum baharu (CO802/22, CO802/23 & Sarawak Education Department Summary, 1964). Projek ini dimulakan dengan melibatkan beberapa sekolah terpilih setelah didapati beberapa sekolah hanya menggunakan bahasa Inggeris sebagai subjek pengajaran, bukan sebagai bahasa pengantar utama. Jabatan Pendidikan mendapati terdapat kesukaran di kalangan pelajar untuk memahami subjek seperti matematik dan subjek lain apabila diajar dalam bahasa Inggeris. Selain itu, terdapat juga sekolah terutamanya di kawasan luar bandar, yang hanya memulakan pengajaran bahasa Inggeris pada tahun tiga, manakala tahun satu dan dua masih memberi tumpuan kepada bahasa vernakular. Projek ini memberi peluang kepada pelajar untuk mengambil peperiksaan *Common Entrance Examination*, sekaligus membuka peluang yang lebih besar bagi golongan Bumiputera untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat

menengah. Program ini dilaksanakan secara berperingkat dimulakan dengan lapan kelas tahun satu yang dipilih pada tahun 1963 sebagai kelas perintis. Pada tahun berikutnya, bilangan kelas yang terlibat meningkat dan sehingga tahun 1968, sebanyak 1,281 kelas terlibat dalam projek ini, dengan jumlah pelajar seramai 44,750 orang (Annual Report of Education Department Sarawak, 1968). Dalam enam tahun pertama pelaksanaannya, program ini mendapat sambutan yang menggalakkan dan dilaksanakan di lebih banyak sekolah. Pada tahun 1968, bilangan pelajar yang terlibat dalam program ini terus meningkat melibatkan pelajar dari tahun satu hingga tahun lima, manakala tahun enam merupakan bilangan asal pelajar yang terlibat di awal program. Graf 1 di bawah menunjukkan peningkatan jumlah pelajar yang terlibat dalam projek perintis bahasa Inggeris.

Rajah1, Bilangan Pelajar terlibat dalam Projek Perintis Sukatan Bahasa Inggeris dari Tahun 1 hingga Tahun 6 pada tahun 1968



Sumber: Annual Report of Education Department Sarawak for 1968.

Berdasarkan graf di atas, jelas menunjukkan peningkatan dalam penglibatan kelas dan sekolah dalam projek perintis sukatan bahasa Inggeris ini. Seperti yang telah dinyatakan, pada permulaan program pada tahun 1963, hanya terdapat lapan kelas tahun satu. Pelajar-pelajar tahun satu tersebut pada tahun 1968 telah berada di tahun enam. Perbezaan yang ketara dalam graf ini ialah peningkatan bilangan pelajar yang terlibat dalam tahun satu pada tahun 1968, yang jauh lebih ramai berbanding pada tahun 1963. Pada tahun 1968, jumlah kelas yang terlibat meningkat kepada 441 buah kelas berbanding hanya lapan kelas pada tahun 1963, dengan jumlah pelajar seramai 14,881 orang. Peningkatan ini mencerminkan penerimaan yang semakin meluas terhadap silibus bahasa Inggeris di sekolah rendah. Keberkesanan projek perintis ini dapat dilihat melalui kejayaan pelajar tahun enam yang menduduki *Common Entrance Examination*. Pada tahun 1968, sekurang-kurangnya 61 peratus daripada mereka yang menduduki peperiksaan berjaya diterima masuk ke sekolah menengah di bawah bantuan kerajaan (Annual Report of Education Department Sarawak, 1968). Pihak kerajaan berasa puas hati terhadap perkembangan ini berikutan peningkatan berterusan dalam bilangan kelas dan pelajar yang terlibat dalam projek perintis tersebut. Sebagai contoh, calon yang menduduki *Common Entrance Examination* pada tahun 1969 merupakan pelajar tahun lima pada tahun 1968. Pada tahun 1969, sebanyak 85 kelas tahun enam menduduki peperiksaan tersebut, dan

keputusan yang diperoleh lebih baik berbanding tahun 1968 (Annual Report of Education Department Sarawak, 1969).


Walaupun pelaksanaan program ini dilakukan secara berperingkat pada peringkat awal, kemajuan yang dicapai dapat dilihat melalui beberapa indikator utama, termasuk peningkatan jumlah pelajar yang terlibat, kadar kelulusan yang memberangsangkan dalam *Common Entrance Examination*, serta pertumbuhan bilangan pelajar yang berjaya melanjutkan pelajaran ke sekolah menengah yang mendapat bantuan Kerajaan. Kemajuan ini disebabkan oleh beberapa faktor antaranya ialah penglibatan sukarelawan dari *Peace Corps* yang bertindak sebagai kakitangan sokongan di jabatan, menyelia kelas-kelas program, dan memberi nasihat kepada guru-guru yang terlibat (Sarawak Education Department Annual Summary, 1964 & Annual Report of Education Department Sarawak, 1968). Sukarelawan *Peace Corps* turut memberi bantuan kepada guru-guru di kawasan luar bandar seperti enam sukarelawan yang ditempatkan di beberapa kawasan di Bahagian Ketiga, Sarawak (No.File 9029/9). Selain itu, usaha untuk melaksanakan program sukatan bahasa Inggeris baharu juga dilakukan di Pusat Latihan Guru, di mana guru-guru pelatih diberi pendedahan awal mengenai sukatan tersebut. Faktor lain yang menyumbang kepada kejayaan program ini adalah pelaksanaan kursus dalam perkhidmatan untuk guru-guru di Sarawak. Guru-guru yang telah berkhidmat diberi peluang untuk mengikuti kursus dalam perkhidmatan bagi sukatan bahasa Inggeris baharu ini dalam tempoh tertentu. Tambahan pula, kursus juga dilaksanakan semasa cuti sekolah bagi kumpulan guru tahun satu, tahun dua, dan tahun tiga (No.File 9029/9). Faktor-faktor ini telah memastikan pelaksanaan program berjalan dengan lancar. Malahan, kerjasama dengan pihak luar menunjukkan bahawa kerajaan menyedari kekurangan dalam pembangunan pendidikan di Sarawak dan tidak teragak-agak untuk menerima bantuan daripada organisasi sukarelawan.

Autonomi pendidikan di Sarawak dapat dilihat melalui usaha kerajaan Sarawak dalam merancang kurikulum yang fleksibel dan inklusif. Dengan autonomi ini, Sarawak berpeluang untuk mereka bentuk kurikulum yang lebih sesuai dengan konteks sosial dan budaya negeri, sekaligus memastikan pendidikan yang disediakan relevan bagi pelajarinya. Selepas pembentukan Malaysia, pelaksanaan kurikulum baharu ini dilaksanakan di peringkat pendidikan rendah dan menengah. Pada tahun 1963, kurikulum kebangsaan baharu pertama kali dilaksanakan di kalangan pelajar tingkatan satu. Kurikulum baharu ini menyediakan mata pelajaran teras yang wajib diambil oleh setiap pelajar di sekolah menengah dengan peruntukan masa minimum 18 jam (Ho Ah Chon, 1992). Walaupun pelaksanaan kurikulum ini telah dirancang sebelum pembentukan Malaysia, pelaksanaannya tetap diteruskan walaupun terdapat perubahan pemerintahan. Ini menunjukkan bahawa kerajaan Sarawak mengambil usaha secara serius untuk memberi kepentingan pendidikan kepada penduduknya. Pelaksanaan mata pelajaran mengikut sukatan pelajaran baharu dilaksanakan secara berperingkat, bermula pada tahun 1963. Pada tahun 1964, sukatan baharu diperkenalkan di tingkatan 1 dan tingkatan 2 di sekolah aliran Inggeris, serta di tingkatan satu (Junior Middle I) di sekolah aliran Cina (CO802/23 & Sarawak Education Department Annual Summary, 1964). Pada tahun berikutnya, pelaksanaan ini dilanjutkan ke tingkatan-tingkatan lain. Selain itu, pelaksanaan sukatan baharu ini juga disokong dengan kursus dalam perkhidmatan bagi beberapa subjek, antaranya Bahasa Inggeris, Sejarah, Geografi, Matematik, Sains, Penternakan, Pemakanan, Pendidikan Jasmani, dan Kemahiran Menjahit (CO802/23 & Sarawak Education Department Annual Summary, 1964). Subjek-subjek ini sangat relevan dengan kehidupan seharian penduduk, dan pengajaran mendalam dalam mata pelajaran tersebut membantu meningkatkan pengetahuan serta kemahiran penduduk Sarawak dalam bidang-bidang tertentu. Contohnya, pada tahun 1967, pengajaran mata pelajaran penternakan dan mata pelajaran berkaitan diperluaskan di sekolah-sekolah Sarawak (Annual Report of Education Department Sarawak, 1966). Di samping peringkat menengah, pelaksanaan kurikulum di peringkat rendah turut dilakukan oleh kerajaan Sarawak. Seperti yang telah dibincangkan dalam bahagian mengenai

pemeliharaan Bahasa Inggeris, tindakan ini merupakan sebahagian daripada usaha mereka bentuk kurikulum melalui autonomi pendidikan. Pengenalan sukatan pelajaran Bahasa Inggeris baharu di peringkat sekolah rendah juga dilaksanakan secara berperingkat. Dalam usaha ini, tenaga pakar dan sukarelawan dari pelbagai organisasi, seperti Rancangan Colombo, *American Peace Corps*, *Canadian University Service Overseas*, *Australian Volunteers Abroad*, *Volunteers Service Overseas*, *Volunteers Service Abroad*, dan *Aid of Commonwealth English Scheme* diperlukan bagi membantu program pembangunan pendidikan di Sarawak (Penyata Tahunan Jabatan Pelajaran Sarawak, 1970). Mereka ditempatkan di sekolah, pusat latihan guru, dan jabatan pendidikan untuk membantu urusan pentadbiran dan pembangunan pendidikan.

Sarawak juga memanfaatkan autonominya untuk menggalakkan kurikulum yang menekankan kemahiran teknikal dan keusahawanan. Penekanan ini dilakukan oleh kerajaan Sarawak dengan tujuan membekalkan penduduk dengan kemahiran yang relevan untuk menghadapi peluang pekerjaan di sektor perindustrian dan pertanian moden. Sebelum pembentukan Malaysia, pendidikan kemahiran telah mula dilaksanakan pada tahun 1959 oleh Jabatan Pendidikan melalui pembukaan sekolah-sekolah seperti *Trade School* dan *Nautical School* serta pelaksanaan kelas komersial (*The Straits Times*, 17 July 1961 & Education in Sarawak, 1966). Langkah ini menjadi asas kepada pendidikan yang bertujuan memastikan penduduk Sarawak memiliki kemahiran dalam pelbagai bidang seperti melukis, perkapalan, menaip, dan trengkas. Kursus-kursus ini ditawarkan dalam bentuk sepenuh masa dan sambilan. Pasca pembentukan Malaysia, kurikulum kemahiran teknikal diteruskan dan dilaksanakan di Sarawak. Pendidikan vokasional dan teknikal telah dimasukkan dalam rancangan pembangunan melalui program pengembangan pendidikan (*The Straits Budget*, 25 January 1967). Selain itu, pendidikan kemahiran teknikal turut menjalani penjenamaan semula. Sebagai contoh, pada tahun 1965, Trade School di Kuching telah ditukar nama kepada sekolah vokasional yang menawarkan pendidikan teknikal pada peringkat industri (Education in Sarawak, 1966). Sekolah Vokasional Kuching, yang dikelola oleh kerajaan, menawarkan pengajian sepenuh masa selama tiga tahun, manakala Sekolah Komersial Sibu menawarkan pengajian selama satu tahun. Sambutan terhadap kursus kemahiran teknikal ini sangat menggalakkan dengan peningkatan pendaftaran pelajar lelaki dan perempuan menunjukkan bahawa kursus-kursus yang ditawarkan memberikan peluang kepada penduduk Sarawak untuk meningkatkan kemahiran mereka. Kemahiran teknikal membuka peluang pekerjaan di sektor kerajaan dan swasta. Sebagai contoh, golongan wanita di Sarawak mengikuti kursus menaip, stenografi, dan *shorthand* selama satu tahun, dan sijil yang diperoleh memberi peluang kepada mereka untuk memohon pekerjaan sebagai kerani. Sementara itu, golongan lelaki mengikuti kursus dalam bidang kejuruteraan dan pertukangan. Pengambilan pelajar dalam bidang perdagangan dipertingkatkan di sekolah vokasional untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat terhadap juru tukang dan juruteknik. Selain itu, kerajaan turut memperkenalkan kursus baharu sebagai usaha memperkukuhkan kurikulum kemahiran teknikal dan vokasional. Pada tahun 1967, kursus Praktikal Kraf Kejuruteraan diperkenalkan di Sekolah Vokasional Kuching sebagai kursus wajib bagi pelajar dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal, Kejuruteraan Elektrikal, dan Kejuruteraan Automotif (Annual Report of Education Department Sarawak, 1967). Pemantapan pendidikan kemahiran dan vokasional oleh kerajaan Sarawak jelas terlihat melalui peningkatan pendaftaran pelajar di sekolah kemahiran di Kuching dan Sibu. Trend peningkatan pelajar yang mengikuti kursus vokasional dan teknikal antara tahun 1966 hingga 1969 dapat dilihat pada Graf 2 di bawah.

Rajah 2, Enrolmen Pelajar dalam Pendidikan Vokasional dan Teknikal pada tahun 1966 hingga 1969



Sumber: Annual Report of Education Department Sarawak for 1966 till 1969

Rajah di atas menunjukkan pola enrolmen pelajar dalam pendidikan vokasional dan teknikal di Sarawak antara tahun 1966 hingga 1969 bagi dua kategori, iaitu sepenuh masa dan separuh masa. Enrolmen pelajar ini melibatkan dua sekolah vokasional dan teknikal di Kuching dan Sibul, Sarawak. Enrolmen pelajar sepenuh masa meningkat secara konsisten daripada sekitar 136 pelajar pada tahun 1966 kepada lebih 241 pelajar pada tahun 1969 (Annual Report of Education Department Sarawak, 1966 & 1969), mencerminkan peningkatan minat terhadap pendidikan sepenuh masa yang mungkin dipengaruhi oleh keperluan tenaga kerja terlatih. Sebaliknya, enrolmen separuh masa menunjukkan trend menurun daripada lebih 200 pelajar pada tahun 1966 kepada 141 pelajar pada tahun 1967, sebelum meningkat perlahan kepada 194 pelajar pada tahun 1969 (Annual Report of Education Department Sarawak, 1966, 1967 & 1969). Pada tahun 1967, enrolmen sepenuh masa mula mengatasi separuh masa, menandakan peralihan tumpuan yang lebih besar terhadap pendidikan sepenuh masa. Peningkatan enrolmen sepenuh masa menunjukkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan pendidikan teknikal untuk menjamin peluang pekerjaan yang lebih baik juga semakin meningkat. Secara keseluruhan, data ini menunjukkan pertumbuhan penting dalam pendidikan vokasional dan teknikal di Sarawak, dengan peningkatan enrolmen yang mencerminkan keperluan mendesak untuk tenaga kerja mahir pada tempoh tersebut.

Autonomi pendidikan di Sarawak juga dapat dilihat melalui usaha kerajaan Sarawak untuk merapatkan jurang pendidikan antara kawasan bandar dan luar bandar. Jurang pendidikan ini, terutama yang melibatkan kawasan bandar dan luar bandar, telah wujud sejak zaman pemerintahan Brooke dan berterusan semasa pemerintahan British. Walaupun beberapa usaha untuk mengatasi masalah ini telah dilakukan semasa pemerintahan British, jurang tersebut masih belum dapat diatasi sepenuhnya. Ketidakeimbangan pendidikan antara kawasan bandar dan luar bandar ini amat ketara, terutamanya pada peringkat awal pemerintahan di mana tumpuan pembangunan lebih banyak diberikan kepada kawasan bandar yang merupakan pusat pentadbiran. Selain itu, faktor geografi Sarawak yang luas dan berbukit-bukau serta perhubungan yang terhad melalui sungai turut menyukarkan akses ke kawasan luar bandar. Keadaan ini menjadi halangan besar dalam usaha untuk melaksanakan pembangunan pendidikan di luar bandar. Masalah ini juga sering dijadikan alasan oleh ibu bapa untuk tidak menghantar anak-anak ke sekolah, contohnya sekolah yang terlalu jauh dari rumah, terutamanya jika tiada kemudahan asrama disediakan. Jarak yang jauh antara kediaman pelajar dan sekolah serta tanggungjawab anak-anak untuk membantu ibu bapa dalam kerja pertanian,


terutamanya semasa musim menuai, turut menyumbang kepada ketinggalan dalam pendidikan di kalangan anak-anak penduduk luar bandar (H/100/1).

Untuk mengatasi isu jurang pendidikan ini, kerajaan Sarawak pasca-Malaysia telah melaksanakan pelbagai usaha, antaranya melalui pembangunan infrastruktur. Salah satu usaha penting ialah pembinaan sekolah baharu di kawasan pedalaman. Pembukaan sekolah baharu, khususnya di kawasan luar bandar, turut mencerminkan pengaruh autonomi dalam pembentukan dasar pendidikan. Pembinaan sekolah-sekolah ini bukan sahaja dilaksanakan oleh kerajaan Sarawak, tetapi turut mendapat sokongan daripada penduduk tempatan. Kaedah *self-help* yang digunakan dalam pembangunan pendidikan di Sarawak masih diteruskan selepas pembentukan Malaysia. Kaedah ini, yang telah diamalkan semasa era kolonial British, memberi ruang kepada penduduk tempatan untuk membantu dalam pembinaan sekolah (Ooi Keat Gin, 2001). Namun ia masih lagi diteruskan oleh kerajaan Sarawak pasca pembentukan Malaysia. Bantuan yang diberikan meliputi sumbangan kewangan, bahan binaan, perabot, dan sumber tenaga kerja. Sebagai contoh, di Ulu Satap, Sibuti, kawasan Subis, Bahagian Keempat, penduduk tempatan telah mengumpul dana sebanyak \$4,000 untuk membina sebuah sekolah rendah. Sumbangan tersebut digunakan untuk membeli bahan binaan seperti kayu dan membina sebuah bangunan sekolah berukuran 56 kaki panjang dan 25 kaki lebar, yang memiliki dua bilik darjah. Walaupun sekolah tersebut kecil, semangat ibu bapa untuk memastikan anak-anak mereka mendapat pendidikan tidak pernah luntur. Selain itu, terdapat juga organisasi di peringkat kampung yang mengambil inisiatif untuk membina tadika. Usaha ini merupakan kali pertama dilaksanakan oleh sebuah kelab di sesebuah kampung. Pada tahun 1965, Kelab Kampung Gita menerima sumbangan sebanyak \$440 bagi pembinaan sebuah tadika yang beroperasi di Surau Kampung Gita (*The Sarawak Tribune*, 12 Januari 1965). Usaha keras penduduk tempatan dalam mengumpul dana ini jelas menunjukkan sokongan dan minat mereka terhadap pembangunan pendidikan di kawasan luar bandar.

Dalam usaha membina dan membuka sekolah baharu, kerajaan Sarawak juga telah meningkatkan kemudahan asrama untuk pelajar yang tinggal jauh dari sekolah. Ini merupakan salah satu matlamat utama dalam program pembinaan sekolah rendah di bawah Rancangan Pembangunan Lima Tahun (1964-1968), dengan sasaran menampung 5,000 penghuni asrama tambahan dan menggantikan beberapa penginapan asrama yang sedia ada (*The Sarawak Gazette*, 30 November 1963). Penyediaan kemudahan asrama bertujuan untuk memberikan keyakinan kepada ibu bapa dalam menghantar anak-anak mereka ke sekolah, selain mengurangkan jarak perjalanan dan memudahkan pelajar, terutamanya kanak-kanak (*The Sarawak Gazette*, 31 December 1963). Bagi sekolah rendah, Pihak Berkuasa Tempatan diberi tanggungjawab untuk memastikan kemudahan asrama disediakan. Selain kemudahan asrama, skim bantuan turut diperkenalkan, seperti subsidi asrama dan *Mother Boarding Scheme*. Skim *Mother Boarding* menyediakan makanan kepada pelajar asrama dan dipertanggungjawabkan kepada seorang wanita. Pada tahun 1965, tiga sekolah rendah menerima subsidi asrama, manakala dua sekolah rendah di daerah Limbang melaksanakan Mother Boarding Scheme (*The Sarawak Gazette*, 28 Februari 1965). Kemudahan asrama ini tidak hanya terhad kepada sekolah rendah, tetapi juga diperluas ke sekolah menengah. Pemberian penekanan terhadap kemudahan asrama ini turut disertai dengan peningkatan perbelanjaan kerajaan untuk skim asrama bersubsidi. Pada tahun 1964, perbelanjaan kerajaan untuk skim ini meningkat sebanyak 29 peratus, iaitu \$1,071,000 berbanding \$769,000 pada tahun 1963 (Annual Report of Education Department Sarawak, 1967). Peningkatan ini turut mencerminkan bilangan sekolah yang dilengkapi dengan kemudahan asrama. Pembinaan dan penambahbaikan kemudahan asrama telah menyumbang kepada peningkatan jumlah pelajar asrama. Usaha kerajaan ini telah mendorong lebih ramai anak-anak luar bandar untuk melanjutkan pelajaran ke sekolah, sekali gus menghilangkan keraguan ibu bapa dalam membenarkan anak mereka tinggal di asrama.

Seterusnya, kerajaan Sarawak telah melaksanakan program khas untuk guru luar bandar. Tenaga pengajar memainkan peranan penting dalam memastikan pendidikan disampaikan dengan berkesan kepada penduduk Sarawak. Pusat latihan guru di negeri ini telah berjaya melahirkan tenaga pengajar terlatih untuk memenuhi keperluan pendidikan. Namun, kekurangan tenaga pengajar, khususnya di kawasan luar bandar, masih belum dapat dipenuhi sepenuhnya. Sekolah-sekolah di luar bandar masih bergelut dengan kekurangan guru terlatih, yang memberi kesan kepada kualiti pendidikan. Sebagai contoh, pada tahun 1965, terdapat 3,114 guru tidak terlatih yang mengajar di sekolah berbanding 1,776 guru terlatih (CO802/24,1965). Guru tidak terlatih ini terdiri daripada pelbagai latar belakang pendidikan, termasuk lulusan kolej atau universiti, sekolah menengah, dan sekolah rendah. Angka ini jelas menunjukkan bahawa bilangan guru tidak terlatih lebih banyak berbanding guru terlatih. Bagi mengatasi isu ini, sebuah pusat latihan guru telah dijadikan institusi khas untuk melatih guru yang belum menerima latihan formal. Pada tahun 1965, Pusat Latihan Guru Sarawak di Sibu telah ditetapkan sebagai pusat latihan khas bagi guru tidak terlatih selama setahun sebagai usaha meningkatkan kualiti pengajaran di kawasan pedalaman (No. Fail 9029/9). Guru tidak terlatih yang mengikuti kursus ini diberi penekanan untuk memperkukuhkan kaedah pengajaran tanpa menumpukan perhatian pada subjek tertentu. Berbeza dengan dua pusat latihan lain di Batu Lintang, Kuching, dan Rajang, Binatang, yang lebih menekankan penguasaan subjek serta kaedah pengajaran di sekolah. Oleh itu, sejak tahun 1965, Pusat Latihan Guru di Sibu hanya dijadikan pusat untuk melatih guru tidak terlatih, manakala pusat latihan di Kuching dan Binatang memberi latihan kepada pelatih guru yang baru menamatkan pendidikan di peringkat sekolah. Kesan daripada tindakan ini, yang menjadikan Sibu sebagai pusat latihan khas untuk guru tidak terlatih, dapat dilihat melalui penurunan dalam bilangan guru tidak terlatih di Sarawak pada awal perlaksanaannya. Perubahan ini dapat dilihat pada graf di bawah.

Rajah 3, Perubahan bilangan Guru Terlatih dan Tidak Terlatih di Sarawak, 1966-1969



Sumber: Annual Report of Education Department Sarawak for 1966 until 1969

Rajah 3 di atas menunjukkan bilangan guru terlatih dan guru tidak terlatih dari tahun 1966 hingga 1969. Secara keseluruhan, bilangan guru terlatih meningkat setiap tahun manakala bilangan guru tidak terlatih menunjukkan penurunan yang konsisten. Peningkatan bilangan guru terlatih dan penurunan guru tidak terlatih di Sarawak antara tahun 1966 hingga 1969 mencerminkan kemajuan yang positif dalam usaha memperbaiki kualiti pendidikan di negeri

ini. Faktor utama yang menyebabkan peningkatan guru terlatih adalah pelaksanaan program latihan perguruan yang lebih sistematik dan intensif oleh kerajaan, termasuk peningkatan akses kepada kursus-kursus latihan profesional. Sebagai contoh, penambahan pusat latihan di Sarawak, seperti pembukaan awal Pusat Latihan Perguruan Rejang pada tahun 1966 yang dirasmikan sepenuhnya pada tahun 1967 (Laporan Tahunan Jabatan Pendidikan Sarawak, 1967), menunjukkan usaha kerajaan dalam mempertingkatkan kualiti latihan perguruan di negeri ini. Proses ini yang melibatkan peningkatan guru terlatih dan penurunan guru tidak terlatih, merupakan petanda yang positif. Sebagai contoh, penurunan bilangan guru tidak terlatih menunjukkan bahawa mereka telah menerima latihan perguruan yang sepatutnya, yang seterusnya meningkatkan bilangan guru terlatih di Sarawak. Pada tahun 1966, bilangan guru tidak terlatih mencapai angka tertinggi, melebihi 3,500 orang, sementara bilangan guru terlatih sekitar 2,000 orang. Walau bagaimanapun, bilangan guru terlatih terus meningkat pada tahun-tahun berikutnya, manakala jumlah guru tidak terlatih semakin berkurang. Menjelang tahun 1969, kedua-dua kategori guru hampir seimbang, dengan bilangan guru terlatih dan tidak terlatih berada pada tahap yang hampir sama, sekitar 3,000 orang. Perubahan ini mencerminkan usaha berterusan dalam meningkatkan latihan guru dalam sistem pendidikan, dengan tujuan memastikan lebih ramai tenaga pengajar yang berkelayakan. Secara khusus, usaha kerajaan untuk memastikan guru tidak terlatih menjalani latihan selama setahun di Pusat Latihan Guru di Sibu telah menunjukkan hasil yang positif. Dengan langkah ini, kerajaan berusaha untuk memastikan bahawa guru-guru di Sarawak adalah guru yang terlatih. Guru tidak terlatih yang menjalani latihan perguruan tetap menerima gaji seperti biasa, namun mereka perlu membayar yuran pengajian sebanyak \$50 untuk tempoh satu tahun (No.Fail 9029/9). Walau bagaimanapun, bilangan guru terlatih tidak boleh meningkat dengan mendadak kerana terdapat syarat tertentu untuk mengikuti kursus tersebut. Guru tidak terlatih perlu mempunyai sekurang-kurangnya lima tahun pengalaman mengajar di sekolah. Selain itu, jumlah pengambilan pelatih untuk kursus tersebut juga terhad, iaitu hanya 100 guru terlatih yang diterima setiap tahun untuk mengikuti latihan perguruan.

Tindakan selanjutnya yang diambil oleh kerajaan Sarawak dalam usaha merapatkan jurang akses pendidikan adalah melalui penggunaan teknologi. Dengan adanya autonomi, Sarawak dapat melaksanakan projek-projek untuk memastikan sekolah-sekolah di luar bandar mendapat pendidikan yang sewajarnya. Salah satu langkah yang dilaksanakan adalah pemberian radio kepada sekolah-sekolah luar bandar sebagai penyelesaian terhadap cabaran geografi, di mana beberapa kawasan di Sarawak sukar diakses. Pelajaran melalui siaran radio sebenarnya telah dilaksanakan di peringkat sekolah rendah sebelum tahun 1963. Semasa era British, pembukaan Radio Sarawak pada 7 Jun 1954 telah menjadi medium pendidikan penting bagi Jabatan Pendidikan ketika itu (Porrit, 1997). Pembukaan Radio Sarawak membawa kepada pelaksanaan penyiaran pendidikan secara berperingkat, terutama dalam pengajaran bahasa Inggeris. Perkhidmatan penyiaran pendidikan di bawah Jabatan Pendidikan bermula pada tahun 1958 (Laporan Tahunan Jabatan Pendidikan Sarawak, 1968). Sekolah-sekolah luar bandar menerima radio melalui sumbangan daripada beberapa pertubuhan, seperti Asia Foundation dan Nuffield Foundation. Program penyiaran ini diterima dengan baik oleh sekolah-sekolah rendah luar bandar di Sarawak kerana banyak manfaat yang diperolehi daripada program ini. Setelah mendapat sambutan yang positif, program ini diperluaskan ke sekolah menengah selepas tahun 1963, selaras dengan usaha memperluaskan pendidikan di Sarawak di pelbagai peringkat di bawah Rancangan Pembangunan Sarawak (*The Sarawak Gazette*, 30 November 1963). Pasca-Malaysia, penyiaran pendidikan diperluaskan lagi ke peringkat sekolah menengah melalui siri percubaan bermula tahun 1963. Pada tahun 1964, program berkaitan Sejarah, Muzik, dan Bahasa Inggeris dilaksanakan di sekolah menengah rendah untuk kelas peralihan, tingkatan dua, dan tingkatan tiga (CO802/22 & CO802/23). Untuk memastikan program pendidikan penyiaran ini dapat dilaksanakan dengan baik,

kerajaan Sarawak perlu memastikan kemudahan penerimaan siaran radio yang baik di sekolah-sekolah, terutama di luar bandar. Selain memastikan alatan seperti radio tersedia, pihak kerajaan juga perlu memastikan penerima siaran atau alat penerima radio turut ada di sekolah-sekolah tersebut. Oleh itu, pada tahun 1965, sebanyak 1,120 sekolah rendah dan 82 sekolah menengah telah diberikan penerima radio atau alat penerima siaran (CO802/24). Kemudahan ini memudahkan sekolah-sekolah tersebut untuk menerima siaran radio dengan jelas, sekaligus menyebabkan lebih banyak sekolah menggunakan kaedah pengajaran melalui radio.

Pelaksanaan di sekolah menengah menunjukkan sambutan yang baik, terbukti dengan peningkatan jumlah sekolah yang terlibat. Sebagai contoh, pada tahun 1967, sebanyak 1,302 sekolah menengah menggunakan radio dalam pengajaran, meningkat sebanyak 63 buah sekolah berbanding tahun sebelumnya (Laporan Tahunan Jabatan Pendidikan Sarawak, 1967). Walau bagaimanapun, pada tahun 1966, perkhidmatan alih suara pita mula diperkenalkan, terutamanya di sekolah menengah, untuk mengatasi masalah kesukaran jadual waktu yang dihadapi. Waktu siaran program yang tidak sesuai menyebabkan ia sukar diputar semasa sesi pengajaran. Sebagai contoh, siri “Current Affairs” yang dikhususkan untuk pelajar sekolah menengah disiarkan pada hari Jumaat, pukul 10.25 pagi, dengan siaran ulangan pada pukul 1.45 petang (*The Sarawak Tribune*, 26 Februari 1964). Dengan adanya perkhidmatan alih suara pita, 38 buah sekolah menengah mula menggunakan perkhidmatan tersebut pada tahun yang sama (Laporan Tahunan Jabatan Pendidikan Sarawak, 1967). Permintaan terhadap perkhidmatan ini terus meningkat dari masa ke masa, menyebabkan lebih banyak program yang dirakam. Pada tahun 1969, sebanyak 1,059 program telah dialih suara melalui perkhidmatan tersebut (Laporan Tahunan Jabatan Pendidikan Sarawak, 1969), membuktikan bahawa perkhidmatan ini memudahkan rakaman dan pengalihan suara program, membolehkan pelajar tidak terlepas siaran yang disediakan. Selain itu, kepelbagaian program pendidikan turut diperluaskan kepada bahasa selain Bahasa Inggeris, seperti program Bahasa Melayu, Bahasa Cina, dan Iban untuk sekolah rendah. Bahasa Inggeris masih dikekalkan sebagai medium program di peringkat sekolah menengah, manakala program baharu turut diperkenalkan seperti Bahasa Melayu aras rendah serta program berkaitan budaya dan adat Iban (Laporan Tahunan Jabatan Pendidikan Sarawak, 1967). Program pendidikan yang menggunakan teknologi ini telah memberi manfaat yang besar kepada guru-guru di kawasan luar bandar, kerana ia memudahkan penyampaian pendidikan. Pada awal sesi persekolahan, program khusus untuk pelajar rendah disiarkan, seperti Program Nyanyian untuk darjah satu dan darjah dua, serta *Two-Story Programme* untuk darjah tiga hingga darjah enam (*Sarawak by the Week*, 1965). Untuk memastikan kelancaran pelaksanaan program ini, guru pelatih di pusat latihan guru turut didedahkan lebih awal dengan kaedah pengajaran melalui penyiaran radio. Guru pelatih di Batu Lintang dan Rejang menerima kuliah daripada anggota Perkhidmatan Sekolah bagi membiasakan mereka dengan teknik pengajaran menggunakan teknologi penyiaran radio. Pendekatan pengajaran melalui teknologi ini telah membantu mengurangkan jurang akses pendidikan yang sering dihadapi oleh sekolah-sekolah di luar bandar.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, autonomi pendidikan di Sarawak pasca pembentukan Malaysia telah memainkan peranan penting dalam memacu pembangunan pendidikan di negeri ini. Dalam usaha merapatkan jurang pendidikan antara kawasan bandar dan luar bandar, kerajaan Sarawak telah melaksanakan pelbagai inisiatif, termasuk pembangunan infrastruktur sekolah, penyediaan kemudahan asrama, serta peningkatan latihan guru. Penggunaan teknologi, seperti penyiaran radio dan alih suara pita, telah membantu mengatasi cabaran geografi dan kekurangan tenaga pengajar terlatih di kawasan pedalaman. Selain itu, konsep *self-help* yang melibatkan sumbangan penduduk tempatan memberi impak besar dalam pembangunan

pendidikan, khususnya di luar bandar. Usaha-usaha ini menunjukkan bahawa autonomi pendidikan memberi ruang kepada kerajaan Sarawak untuk merancang dan melaksanakan dasar serta program pendidikan yang lebih relevan dengan keperluan tempatan. Walaupun menghadapi cabaran seperti kekurangan guru terlatih dan kemudahan pendidikan di kawasan terpencil, kerjasama antara kerajaan negeri, masyarakat setempat, dan pelbagai organisasi telah menghasilkan impak positif. Dalam jangka panjang, pendidikan yang lebih inklusif dan berkualiti ini telah meletakkan asas bagi pembangunan sosial dan ekonomi Sarawak, serta menyumbang kepada kemajuan negara Malaysia secara keseluruhan. Dengan komitmen berterusan terhadap peningkatan sistem pendidikan, Sarawak terus bergerak ke arah pembangunan pendidikan yang lebih baik dan mampan.

RUJUKAN

664. State Development Plan. 1964-1968. Respositori Pustaka Negeri Sarawak, Kuching, Sarawak.
- 664/2. First Malaysian Development Plan. 1966-1970. Respositori Pustaka Negeri Sarawak, Kuching, Sarawak.
- 664/3. First Malaysian Development Plan. 1966-1970. Respositori Pustaka Negeri Sarawak, Kuching, Sarawak.
- Annual Report of Education Department Sarawak for 1966. Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Annual Report of Education Department Sarawak for 1967. Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Annual Report of Education Department Sarawak for 1968. Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Annual Report of Education Department Sarawak for 1969. Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- CO 802/22. 1963. Annual Reports.
- CO802/23. 1964. Annual Reports.
- CO802/24. 1965. Annual Reports.
- CO947/61. 1962. Submissions-Kuching District.
- CO1030/1034. Proposed State of Greater Malaysia: Official Language. 1960-1962.
- CO1030/1485. 1963. Malaysia. Inter-Governmental Committee (IGC).
- CO1030/1486. 1963. Malaysia. Report of IGC.
- CO1030/1487. 1963. Malaysia. Report of IGC.
- DO169/285. 1963. Agreement on Formation of New State (Part A).
- DO169/286. 1963. Agreement on Formation of New State (Part B).
- DO118/258. 1963. Malaysia Agreement Concluded between the United Kingdom, North Borneo, Sarawak and Singapore, 9th July.
- FCO 24/251. 1967. Malaysia Political Affairs: Internal National Language Question.
- FCO 51/154. 1970. Origins and Formation of Malaysia. Part B.
- Federal Constitution. 2018. Selangor. Internasional Law Book Services.
- H/100/1. Education Policy: Educational Opportunities for Sea Dayaks, 1 December 1953 – 29 September 1954. Respositori Pustaka Negeri Sarawak, Kuching, Sarawak.
- Ho Ah Chon. 1991. The Formation of the Federation of Malaysia, Kuching: See Hua Daily News Bhd.

- Jackson. James.C. 1968. *Sarawak: A Geographical Survey of Developing State*, London: University of London Press Ltd.
- Leigh.Michael B.1988. *The Rising Moon: Political Change in Sarawak*. Kuala Lumpur. Antara Book Company.
- Malaysia Official Year Book 1964. 1966. Volume Four. Kuala Lumpur. The Government Press.
- Malaysia Official Year Book 1969. 1971. Volume Nine. Kuala Lumpur. The Government Press.
- Malaysia 1974 Official Year Book. 1975. Volume Fourteen. Kuala Lumpur. The Government Press.
- Malaysia 1979 Official Year Book .1982. Volume Nineteen. Kuala Lumpur. The Government Press.
- Mohd bin Samsudin. 2016. *Persekutuan Malaysia 1961-1966: Penubuhan dan Cabaran*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- No.File 9029/9. Report Re Education in Sarawak. Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Ooi Keat Gin. 2001. *Dunia di Seberang Sungai: Pendidikan di Sarawak dari Zaman Pemerintahan Brooke hingga ke Pentadbiran Pejabat Tanah*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2001.
- Penyata Tahunan Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak 1970. (1971). Perpustakaan Peringatan Za'ba, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Penyata Tahunan Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak 1971. (1972). Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Penyata Tahunan Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak 1972. (1973). Perpustakaan Peringatan Za'ba, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Penyata Tahunan Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak 1973. (1974). Perpustakaan Peringatan Za'ba, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Penyata Tahunan Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak 1974. (1975). Perpustakaan Peringatan Za'ba, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Penyata Tahunan Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak 1975. (1976). Perpustakaan Peringatan Za'ba, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Penyata Tahunan Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak 1976. (1977). Perpustakaan Peringatan Za'ba, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Penyata Tahunan Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak 1977. (1978). Perpustakaan Peringatan Za'ba, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Porrit. Vernon. L. 1997. *British Colonial Rule in Sarawak 1946-1963*. Kuala Lumpur. Oxford University Press.
- Rancangan Malaysia Pertama (RMKe-1), 1966-1970. Kementerian Ekonomi, Malaysia.
- Rancangan Malaysia Kedua (RMKe-2), 1971-1975. Kementerian Ekonomi, Malaysia.
- Rancangan Malaysia Ketiga (RMKe-3), 1976-1980. Kementerian Ekonomi, Malaysia.
- Sarawak by the Week, 7th March till 15th May 1965. Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Sarawak Education Department Annual Summary for 1963. Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Sarawak Education Department Annual Summary for 1964. Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Sarawak Education Department Annual Summary for 1965. Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Suffian Hussin. 2008. *Pendidikan di Malaysia: Sejarah, Sistem dan Falsafah*. Edisi Kedua. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- The Sarawak Gazette*, 1962-1979. Pustaka Negeri Sarawak, Kuching, Sarawak.
- The Sarawak Tribune*, 1964-1965. Respositori Pustaka Negeri Sarawak, Kuching, Sarawak.

The Straits Times, 17 July 1961.
The Straits Budget, 27 July 1967.

Published online: 1 April 2025